


Anjakan



Buletin Bulanan Tranformasi Kementerian Pendidikan Malaysia

April 2014

Dari Meja Pengarang

Keluaran kali ini menyentuh tentang inisiatif Program Transformasi Daerah (DTP) yang telah dilaksanakan di Sabah dan Kedah mulai 2013. DTP merupakan inisiatif yang melibatkan pemimpin sekolah dan guru secara langsung dengan memberi penekanan kepada keberhasilan murid, manakala JPN dan PPD memainkan peranan penting dalam mengenal pasti potensi untuk meningkatkan prestasi sekolah. Justeru, maklumat tentang inisiatif DTP penting difahami semua warga pendidik agar pelaksanaan yang menyeluruh dan bersungguh-sungguh dapat dilakukan pada landasan yang betul.

Ketua Editor

Pelaksanaan Program Transformasi Daerah (DTP) Diperluas Ke Seluruh Negara

Mulai 2014, DTP telah diperluas ke seluruh negara setelah majlis pelancarannya pada 8 April 2014. Pengalaman dan kejayaan pelaksanaan DTP di Sabah dan Kedah mulai 2013, telah menyakinkan Kementerian bahawa prestasi sekolah dapat ditingkatkan melalui pemantauan secara berterusan terhadap isu-isu utama seperti ketidakhadiran murid ke sekolah, keciciran dan penambahbaikan infrastruktur asas. Pelaksanaan DTP telah menggerakkan perubahan cara kerja warga pendidik. Dengan disokong oleh JPN dan PPD, isu-isu utama telah dibincangkan dalam dialog prestasi untuk mencari kaedah penyelesaian terbaik.



“Bagi saya DTP memang bagus, sebab ianya memberi kesedaran kepada pihak sekolah untuk sentiasa bersedia bagi mencapai KPI yang telah ditetapkan. Jadi guru-guru akan berusaha dan bekerja lebih kuat untuk menaikkan prestasi sekolah.” – GPK SKJC, Alor Setar

“Di sekolah saya, ada SISC+ dan SIP+ daripada PPD datang dan bantu saya, sebab saya mengajar Matematik. Saya ada dengan tentang DTP sebab pernah ke PPD Kudat untuk kursus dan saya rasa ianya bagus sebab banyak maklumat dapat dikongsi dan dibincangkan.” Guru SMK Banggi,



ISU BULAN INI

1. Program Transformasi Daerah (DTP)
2. Maklumbalas Lawatan Kerja TKPPM (O) Ke Kuching Sarawak

ANJAKAN 6

MENGUPAYA JPN, PPD DAN SEKOLAH UNTUK MENYEDIAKAN PENYELESAIAN KHUSUS BERASASKAN KEPERLUAN

Memacu peningkatan prestasi sekolah melalui program yang sistematik dan dipimpin PPD di semua negeri menjelang 2014

Meningkatkan autonomi dan pengurusan berasaskan sekolah, termasuk lebih fleksibiliti pengoperasian ke atas pengagihan bajet dan pelaksanaan kurikulum, dimulai dengan sekolah yang mencapai prestasi tinggi dan menunjukkan peningkatan prestasi yang besar

Memastikan 100% sekolah memenuhi keperluan infrastruktur asas menjelang 2015, bermula Sabah dan Sarawak

Program Transformasi Daerah

Apakah Program Transformasi Daerah (DTP)?

Program Transformasi Daerah merupakan salah satu inisiatif utama untuk Kementerian Pendidikan Malaysia. DTP dilaksanakan bagi menyediakan sokongan terus dan pertanggungjawabkan kepada sekolah melalui PPD yang telah diperkasa dan diupayakan. Ia merupakan satu pendekatan berkodinas baru untuk meningkatkan prestasi sekolah-sekolah dengan memfokuskan kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Peranan Baharu KPM, JPN Dan PPD

Melalui pelaksanaan DTP, peranan baharu telah dirangka bagi memberi tumpuan kepada menyokong dan menguruskan prestasi sekolah.

PERANAN

KPM

- Menetapkan dasar, strategi dan garis panduan untuk mencapai aspirasi dan sasaran sistem
- Mewujudkan mekanisme sokongan dan akauntabiliti di samping memantapkan process membuat keputusan pada setiap peringkat

JPN

- Menetapkan matlamat yang jelas untuk daerah
- Penggunaan data bagi tujuan pemantauan prestasi daerah
- Daerah bertanggungjawab untuk mengekalkan pencapaian terbaik
- Mewujudkan kolaborasi antara daerah
- Penempatan disasarkan kepada daerah yang paling memerlukan
- Pengumpulan data uruskan secara berpusat di peringkat negeri

PPD

- Menetapkan matlamat yang jelas untuk sekolah-sekolah
- Memberikan bimbingan kepada guru-guru dan pengetua
- Penggunaan data bagi tujuan pemantauan bagi penambahbaikan prestasi sekolah
- Mewujudkan kolaborasi antara sekolah
- Penempatan semula sumber kepada sekolah yang lebih memerlukan

Program Transformasi Daerah melibatkan 4 perkara:



Perubahan Peranan JPN dan PPD

Memberikan tumpuan dan sokongan kepada sekolah



Sokongan dan Intervensi Yang Menjurus Kepada Sekolah

Didorong oleh daerah dan diupayakan oleh negeri



Dashboard dan Ranking Baru

Memberi tumpuan (dari JPN hingga ke sekolah) kepada KPI terpenting



Dialog Prestasi Semua Peringkat

Memastikan sekolah, daerah dan negeri boleh mencapai sasaran

Sasaran Sokongan DTP

Bagi pelaksanaan DTP, setiap PPD akan mempunyai 2 pasukan jurulatih yang dikenali sebagai **School Improvement Partners (SIPartners+)** dan **School Improvement Specialist Coach (SISC+)** yang mempunyai kepakaran khusus untuk membantu melancarkan intervensi yang disesuaikan. SIPartners+ ditugaskan menjadi jurulatih dan mentor kepada 25 hingga 30 pemimpin sekolah dalam memimpin sekolah dengan lebih berkesan. Manakala SISC+ yang mempunyai kepakaran didalam subjek Matematik, Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris ditugaskan menjadi jurulatih dan mentor kepada 15 hingga 20 guru, bertanggungjawab membimbing guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran di sekolah.

- SIPartner+ dan SISC+ akan dikumpulkan dalam kumpulan guru yang sama
- Setiap kumpulan bertanggungjawab untuk set sekolah yang sama
- Bergantung kepada bilangan sekolah, setiap daerah akan mempunyai ~1-2 kumpulan pelatih

SIPartner+ dan SISC mempunyai 3 tanggungjawab utama

Mengadakan lawatan bimbingan guru

Melawat sekolah untuk mengadakan pemerhatian dalam bilik darjah dan bimbingan guru (secara individu/kumpulan)

Melaksanakan program yang diluluskan pusat

Melatih Pengetua/ guru-guru dalam program yang diluluskan oleh pusat (KSSR, KSSM, PBS dan LINUS)

Membuat laporan, Pemantauan dan Pembangunan

Membuat laporan dan memberi bantuan dalam penyelesaian masalah-masalah yang dihadapi oleh pengetua/ guru



Ketua PPD

Menyelia pelaksanaan DTP bagi memastikan sokongan meningkat kepada sekolah-sekolah dengan latihan dan bimbingan untuk meningkatkan PdP



SIPartner+

Menjadi Jurulatih dan mentor ~25- 30 pemimpin sekolah



SISC+

Menjadi Jurulatih dan mentor ~15-20 guru +untuk Matematik, BM, BI

Kumpulan guru yang dibimbing

Dialog Prestasi DTP

Dialog prestasi merupakan satu forum bermula dari peringkat KPM hingga ke sekolah bagi membincangkan prestasi pendidikan berdasarkan data dan fakta dan diakhiri dengan satu set konkrit tindakan-tindakan seterusnya untuk dilaksanakan oleh pihak JPN/PPD/Sekolah. Ia merupakan pemantauan antara pihak atasan dan bawahan untuk menilai dan memastikan penyampaian berada pada landasan yang betul.


Dialog Prestasi memastikan bahawa kitaran membuat keputusan yang dipacu oleh data berlaku di semua peringkat



Tinjauan Kesedaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 di Kuching, Sarawak 16-17 April 2014

Setelah masuk tahun kedua pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian Pendidikan menjalankan kajian tahap kesedaran warga pendidikan tentang PPPM dan aspirasi untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara. Tinjauan dijalankan di sekolah-sekolah terpilih di Kuching, Sarawak pada 16-17 April 2014 diketuai oleh Y.Bhg Dato' Sufaat Tumin, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi Pendidikan) diiringi oleh pegawai Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Kaedah kajiselidik dan temubual dijalankan melibatkan 206 responden yang terdiri daripada Pengetua dan Guru Besar, guru-guru sekolah rendah & menengah serta warga Institut Pendidikan Guru.

Nyatakan tahap kesedaran anda tentang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025



Hasil kaji selidik yang dijalankan, terdapat jurang yang tinggi didalam peratus tahap kesedaran tentang kewujudan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 antara pengetua dan guru. Pengetua dilihat lebih memahami tentang matlamat dan aspirasi PPPM berbanding guru-guru di sekolah. Ini menunjukkan pentingnya pentadbir sekolah memainkan peranan bagi menatarkan maklumat mengenai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan meningkatkan kesedaran warga pendidikan terhadap aspirasi PPPM.



TKPPM bertemu dengan warga pendidik bagi membincangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)

Jika ada sebarang cadangan dan maklumat berkaitan PPPM, hantarkan kepada kami.

PADU | Education Performance and Delivery Unit

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan

Aras 3, Block E9, Kompleks E Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya

info@padu.edu.my

